

16.3.2021_Berita Harian_MOSTI_Suntikan percuma di fasiliti swasta

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Suntikan percuma di fasiliti swasta

Caj ditanggung kerajaan di kemudahan kesihatan terbabit program

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruddi@bh.com.my

Putrajaya: Penerima vaksin yang mendapatkan suntikan di fasiliti kesihatan swasta tidak perlu membayar sebarang caj.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, caj itu sebaliknya akan ditanggung oleh kerajaan.

Beliau berkata, ia terpakai bagi fasiliti kesihatan swasta yang terbabit dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PPV).

"Ini juga adalah inti perjumpaan saya dengan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) nanti dan pengambilan perubatan am juga sedang disemarai bawah Protect Health Corp Sdn Bhd, bawah

Kementerian kesihatan (KKM).

"Ia bagi vaksin yang diberi melalui program kerajaan, PPV," katanya pada sidang media mingguan Persekutuan Bertindak Imunisasi COVID-19, semalam. Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Khairy berkata, penerima vaksin akan dikhaskan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berdasarkan kepada alamat yang mereka daftarkan untuk mendapatkan vaksin.

Katanya, jika alamat berdekatkan di PPV fasiliti kesihatan swasta, mereka akan diajur untuk mendapat vaksin di kemudahan berkenaan serta sebaliknya.

Terkini, Khairy berkata, beliau akan mengadakan ibat urus bersama APMH pada Rabu ini untuk membangunkan pembahitan hospital swasta dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Beliau juga berkata sekitar 23 peratus daripada 292,104 penerima vaksin fasa pertama setakat Sabtu lalu terdiri daripada jururawat.

Katanya, kumpulan kesihatan juri X-ray serta pemandu ambulans menjadi kumpulan ketiga tertinggi yang sudah menerima vaksin

sinasi melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan iaitu lebih 23 peratus.

Beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, ini diikuti doktor (22 peratus); petugas barisan hadapan bukan kesihatan seperti polis, tentera, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Sukan Relawan (RELA) (21 peratus); doktor gigi (5.6 peratus); kumpulan ahli farmasi (3.4 peratus) dan penerima anggota pentadbiran serta wakil rakyat (0.11 peratus).

"Hanya 302 (individu) yang datang daripada kategori anggota pentadbiran dan wakil rakyat," katanya.

Khairy berkata, pemberian vaksin jenis Sinovac akan bermula pada jam 1.30 tengah hari, Khamis ini di Hospital Rembau yang mana beliau akan menjadi penerima pertama.

Setakat semalam, beliau berkata,

Selangor mencatatkan jumlah tertinggi yang sudah menjalani pemberian vaksin COVID-19 iaitu sebanyak 36,163 individu, diikuti Perak (33,066); Sarawak (31,527); Kuala Lumpur (28,244)



Khairy pada sidang media mengenai perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Putrajaya, semalam.

(Foto:BERNAMA)

Penerima vaksin akan dikhaskan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berdasarkan kepada alamat yang mereka daftarkan untuk mendapatkan vaksin.

**Khairy Jamaluddin Abu Bakar,
Menteri Penyelaras Program
Imunisasi COVID-19 Kebangsaan**

dan Sabah (25,446).

Khairy juga berkata, 1.4 juta individu telah mendaftar untuk menerima vaksin bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, diminta melengkapkan pendaftaran mereka bagi membolehkan tarikh janji temu diatur.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan individu terlebih laju mengesahkan nama dan nombor kad pengenalan ketika mendaftar melalui aplikasi MySejahtera.

Bagaimanapun, katanya, mereka tidak menjawab soalan berkaitan penilaian kesihatan, sekalau tiada memasukkan alamat masing-masing menyebabkan pendaftaran tidak lengkap.